

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEPULUH**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23 April 2001

SOALAN

YB Raja Dato' Ahmad Zainuddin Bin Haji Omar (Larut) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan kenapakah berlakunya kelambatan penubuhan Mahkamah Keluarga dan apakah ia lebih baik daripada Mahkamah Syariah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Kerajaan amat peka dan sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat termasuk wanita. Antara objektif usaha-usaha ini ialah untuk mengendali dan mencapai penyelesaian kes kekeluargaan secara adil dan cekap. Untuk menuju ke arah itu, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga akan mencadangkan penambahbaikan kepada sistem dan peraturan pengendalian dan penyelesaian kes kekeluargaan yang sedia ada. Kelulusan pihak Perbendaharaan telah pun diperolehi pada 11 April 2002 untuk melantik perunding bagi membantu Kementerian melaksanakan usaha ini, termasuk mengkaji kemungkinan mewujudkan mahkamah yang mesra keluarga. Persoalan sama ada sebuah Mahkamah Keluarga adalah lebih baik atau tidak daripada Mahkamah Syariah tidak timbul kerana usaha yang dijalankan adalah untuk mempertingkatkan kecekapan jentera yang mengendalikan kes kekeluargaan melalui langkah yang telah dinyatakan. Di samping itu, usaha yang dijalankan oleh Kementerian juga bertujuan untuk saling memperlengkapkan usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi Kerajaan yang lain dalam memberikan perkhidmatan perundangan terbaik kepada keluarga.

